

PROGRAM JIWA MURNI LDMC DAN USM

airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/1231-program-jiwa-murni-ldmc-dan-usm

KULIM, 5 Nov 16 - *Leadership Development & Management Centre* (LDMC) telah mengadakan satu Program Jiwa Murni di Kawasan Serdang, Kulim. Program ini juga melibatkan penyerahan sumbangan makanan dan keperluan asas bagi beberapa buah kampung yang terlibat iaitu Kg Sg Taka, Kg Tengah, Kg Sg Salleh dan Kg Terap.

Program ini telah dianjurkan melalui usaha sama dengan USM di bawah kelolaan Prof Dr Faizah. Selain itu program ini juga menganjurkan aktiviti gotong royong bagi membuat pembersihkan kawasan sekolah Kebangsaan Sg Taka serta menjalankan kerja-kerja mengecat kelas-kelas.

Pegawai Memerintah LDMC, Lt Kol Mohd Safiee bin Mohd Yusof turut hadir sama-sama menyampaikan sumbangan kepada 30 Staf LDMI dan 24 pihak USM yang telah menjayakan untuk program ini.



